
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JTP 393 – PERNIAGAAN ANTARABANGSA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab SEMUA soalan.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Keseluruhan soalan diperuntukkan 100 markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan

- 2 -

SOALAN 1 (20 markah)

Komponen lain yang penting dalam pasaran tukaran asing adalah aktiviti ‘*arbitrage*’. Terdapat dua jenis aktiviti ‘*arbitrage*’ dalam pasaran tukaran asing iaitu ‘*arbitrage*’ barang dan ‘*arbitrage*’ wang.

- (a) Kenapa berlakunya “*arbitrage*”? (5 markah)
- (b) Jelaskan “*Theory of Purchasing Power Parity*”. Bagaimanakah teori ini memberi kesan terhadap “*arbitrage*”? (15 markah)

SOALAN 2 (20 markah)

Proses pengurusan strategik adalah penting dalam memastikan kelangsungan perniagaan tidak kira sama ada organisasi tersebut bergiat di peringkat domestik atau antarabangsa.

Jelaskan LIMA (5) perbezaan yang wujud antara proses pengurusan strategik bagi operasi domestik dan operasi antarabangsa.

SOALAN 3 (20 markah)

Sesebuah firma boleh melibatkan diri dalam bidang perniagaan antarabangsa melalui perlesenan iaitu firma tersebut membenarkan sebuah firma lain di luar negara menggunakan teknologi yang dimilikinya samada dalam bentuk paten, hakcipta, pengetahuan teknikal, maklumat perdagangan dan lain-lain. Firma luar negara perlu membayar pampasan dalam bentuk royalti kepada pemilik teknologi.

Huraikan kelebihan dan kekurangan perlesenan antarabangsa (*international licensing*).

SOALAN 4 (20 markah)

Kepentingan perancangan kewangan yang bijak penting bagi setiap individu. Kegagalan merancang kewangan dengan baik boleh memberi kesan kepada individu dan keluarga.

Berikan EMPAT (4) aspek utama perancangan kewangan dan jelaskan kepentingan perancangan tersebut.

SOALAN 5 (20 markah)

Pada masa sekarang isu terhadap jaminan pekerjaan di syarikat MNCs sudah goyah. Kini banyak syarikat MNCs memberikan ‘*Voluntary Separation Scheme*’ (VSS) kepada kakitangan syarikat mereka. Pada pendapat anda, apakah kesan terhadap negara Malaysia jika perkara ini menjadi satu ‘trend’ kepada syarikat swasta?